



PRAKATA

Tatkala dunia dibadai dengan pelbagai keberantakan dewasa ini, Malaysia terus mengorak langkah pertumbuhan secara stabil dan berdaya tahan. Pada separuh pertama tahun ini, ekonomi negara berkembang sebanyak 4.4%, meletakkan kita antara negara berprestasi hebat di kalangan negara tetangga. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, disokong oleh aliran pelaburan yang berterusan, pertumbuhan gaji mekar serta pasaran buruh yang stabil.

Kerajaan mengunjurkan ekonomi negara berkembang antara 4% hingga 4.8% pada tahun 2025, sebelum menyederhana dalam lingkungan 4% hingga 4.5% pada 2026. Kendatipun konflik serantau dan ketidaktentuan tarif global terus menggasak kita, asas ekonomi negara kekal kukuh. Ini memberi Malaysia ruang untuk menghadapi kejutan ekonomi dunia dengan lebih yakin. Institusi kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia turut senada dengan keyakinan ini, dibuktikan dengan pengelasan unjuran positif terhadap Malaysia meskipun prospek ekonomi global menyuram.

Lonjakan 11 anak tangga Malaysia dalam IMD World Competitiveness Ranking 2025 merupakan pencapaian tertinggi dalam kalangan semua negara. Ia jelas menggambarkan keutuhan asas ekonomi kita. Malaysia kini menduduki tempat ke-23, yakni kedudukan terbaik sejak tahun 2020.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia telah berjaya memecah kebuntuan beberapa inisiatif serantau yang lama tergendala, termasuk memuktamadkan perjanjian ASEAN Power Grid. Kita juga menerajui integrasi pembayaran digital rentas sempadan, sekaligus merealisasikan aspirasi jangka panjang yang sekian lama didambakan. Pencapaian ini menyerlahkan kepimpinan Malaysia dalam menjana kestabilan serantau dan kemakmuran bersama antara negara jiran, di samping memperkukuh peranan ASEAN sebagai hab perdagangan dan pelaburan yang cergas serta berdaya saing.

Tantangan global yang semakin merencatkan pertumbuhan bukanlah alasan untuk Kerajaan menggendalakan usaha pembaharuan bagi menjana pertumbuhan terangkum dan bermakna, khususnya dalam memperbetulkan kebobrokan struktural — termasuk kesenjangan pendapatan dan pembangunan wilayah, perubahan iklim, serta penuaan penduduk. Untuk menangani cabaran-cabaran hebat yang mendepani kita ini, kita perlu menggembeleng semua sumber untuk menghidupkan agenda transformasi nasional, termasuk inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

Dengan menyantuni prinsip utama kerangka Ekonomi MADANI, kita berupaya membentuk dasar yang jelas bagi menggerakkan reformasi berlandaskan pendekatan menyeluruh merentasi Kerajaan. Dalam usaha ini, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan memainkan peranan penting dalam melengkapi pelaburan awam serta memacu pelaksanaan projek nasional yang bersifat strategik. Kesepaduan antara sektor awam dan swasta ini memperkukuh keberkesanan agenda pembangunan negara secara menyeluruh.

Perlu digariskan bahawa perjalanan reformasi struktur Malaysia tidak boleh menyimpang daripada landasan asas fiskal yang kukuh, malah harus dipandu oleh prinsip pengurusan kewangan awam yang berhemat. Defisit fiskal negara telah berkurang dari 5.5% daripada KDNK pada tahun 2022 kepada 4.1% pada tahun 2024. Susulan itu, Kerajaan menyasarkan penurunan selanjutnya kepada 3.5% menjelang 2026. Kerajaan kekal tekad dengan aspirasi jangka sederhana untuk mengurangkan defisit kepada 3% atau lebih rendah, seperti termaktub di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Usaha untuk mengukuh semula kedudukan fiskal negara adalah kian mendesak mutakhir ini, tatkala dunia berdepan kejutan ekonomi yang semakin kerap dan menggugat kestabilan global.

Reformasi fiskal menyeluruh sedang giat dilaksanakan bagi mencapai sasaran pengurangan defisit. Inisiatif yang jelas dan terangkum ini merangkumi peluasan hasil, penyusunan semula keutamaan perbelanjaan, dan pengukuhan tatakelola melalui pemantapan perundangan.

Sebagai usaha untuk meluaskan asas hasil negara, Kerajaan telah memperluas pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta melancarkan e-invois bagi menutup ketirisan dan memperkukuh pematuhan cukai. Pada masa yang sama, Kerajaan kekal tekad untuk mengamalkan perbelanjaan berhemat melalui peralihan kepada pendekatan subsidi bersasar agar pulangan ekonomi dapat diperhebat. Penyasaran subsidi diesel pada tahun 2024, reformasi RON95 pada September 2025, serta penyusunan semula tarif elektrik telah menjana penjimatan berbilion ringgit — tanpa menjejaskan bantuan kepada rakyat terbanyak.

Penjimatan ini telah disalurkan semula untuk memperkukuh pelbagai bentuk bantuan, termasuk peningkatan peruntukan kepada Kerajaan Negeri serta sektor kesihatan dan pendidikan. Bantuan sosial langsung turut diperluas, dengan peruntukan bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) meningkat sebanyak 50 peratus dalam tempoh hanya setahun kepada RM15 bilion, memanfaatkan sehingga 22 juta rakyat Malaysia. Antara program tambahan lain yang ditambah baik untuk meringankan tekanan kos sara hidup termasuk Bantuan Awal Persekolahan, baucar buku MySiswaPlace dan skim PeKA B40.

Akta 850 dan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 yang baharu diluluskan berperanan untuk memperkukuh tatakelola dan ketelusan. Pada masa yang sama, langkah penyatuan badan berkanun digerakkan bagi meningkatkan kebertanggungjawaban dan keberkesanan operasi. Kerajaan yang lebih cekap dan berpegang teguh kepada prinsip akauntabiliti akan membawa manfaat berganda kepada negara — termasuk melalui pengukuhan mudahcara perniagaan serta ketelusan dalam memastikan setiap sen wang awam dibelanjakan secara berhemat. Kerajaan terus gigih memperbaharui keyakinan terhadap institusi negara dan keupayaan kita mengurus ekonomi. Kendatipun kita masih di peringkat awal pelaksanaan reformasi, penarafan kredit negara yang kekal memberangsangkan mencerminkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap prospek jangka panjang Malaysia.

Reformasi ini bukan lagi pilihan, tetapi amanah yang wajib dilaksanakan. Kita tidak boleh sama sekali menangguhkan pemantapan disiplin fiskal, lebih-lebih lagi ketika negara sedang berdepan ketidaktentuan dasar dan tarif perdagangan, ketidakstabilan harga komoditi serta liabiliti luar jangka. Komitmen fiskal Kerajaan berteraskan tiga prinsip utama: pengurusan hutang yang berhemat, iltizam terhadap ketelusan dan akauntabiliti serta pengukuhan asas fiskal negara. Kelestarian jangka panjang adalah tunjang kepada pemeliharaan kedaulatan ekonomi Malaysia.

Namun, Kerajaan tidak mampu menjayakan reformasi ini secara bersendirian. Kejayaannya bergantung kepada iltizam bersama seluruh rakyat. Hatta, saya menyeru setiap warganegara, setiap perniagaan dan setiap penjurong masyarakat sivil untuk berganding bahu membina semula sebuah negara yang lebih kukuh, lebih adil dan lebih makmur. Hanya dengan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, kita mampu mara lebih jauh. Ayuh, kita bina Malaysia yang kekal menjadi mercu harapan dalam dunia yang sedang berubah.



ANWAR IBRAHIM
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
10 OKTOBER 2025

